Nak bersih, kena ubah sikap dulu

KOSMO
14/11/2006

MELAKA – Masalah longkang tersumbat di Perumahan Pantai Peringgit di sini yang didakwa punca merebaknya denggi serta bau yang busuk tidak akan selesai selagi penduduk tidak mengubah sikap menjaga kebersihan.

Pengurus Operasi Southern Waste Management Sdn. Bhd. (SWM), syarikat yang menyelenggara sistem saliran itu Melaka, Mahadi Abdul Talib berkata, longkang di kawasan itu kerap tersumbat kerana ia sudah dijadikan seakan tong sampah.

"Sewaktu kerja pembersihan, kami jumpa pelbagai jenis barangan yang dibuang dalam longkang termasuk botol kicap," katanya ketika dihubungi semalam.

Beliau mengulas laporan *KOSMO!* kelmarin mengenai masalah longkang tersumbat di Perumahan Pantai Peringgit.

Masalah yang sudah berlarutan sejak dua tahun lalu itu juga berpunca daripada kedudukan batang paip yang terlalu rendah dan merintangi longkang.

"Ia menyebabkan sampah sering tersangkut dan air tidak mengalir lancar," ujarnya.

Kata Mahadi, longkang itu sebenarnya dibersihkan minggu lalu, tetapi beberapa hari kemudian kotor dan tersumbat semula.

"Penyelia SWM akan meninjau longkang itu sekurang-kurangnya seminggu sekali untuk memastikan jika tersumbat lagi, ia dapat diatasi segera," katanya.

Longkang tersumbat jadi bahan cemuhan

Oleh SHAMSHUL FITRI MAJID
fayi@kosmo.com.my

MELAKA – Bau busuk serta masalah nyamuk yang berpunca daripada longkang tersumbat bakal sudah sebati dengan penduduk di Perumahan Awam Pantai Peringgit, di sini.

Namun yang sebati itu tidak bermaknu mereka menerimanya dengan hati terbuka, jauh sekali bercsa selesa hidup dengan kesusahan sedemikian sahari hari.

Menurut penduduk, Jamaluddin Yahya, masalah itu sebenarnya sudah berlarutan hampir dua tahun.

"Air longkang tidak mengalir dengan lancar mungkin kerana kedudukannya yang lebih rendah daripada longkang besar.

"Sampah sarap yang boleh dijumpai di dalam longkang ini turut memburukkan keadaan," katanya sambil menunjukkan beberapa batang paip yang merintangi longkang.

Seorang lagi penduduk, Mohd. Ridawan Omar memberitahu, batang paip itu sudah menjadi sebkan perangkap sampah, menyebabkan [illegible]

SEORANG penduduk, Mohd. Shahriduan Sahak menutup hidung sambil melihat longkang yang tersekat di Perumahan Awam Pantai Peringgit, Melaka.

Seseorang itu, seorang lagi ma dahulu.

KERATAN *KOSMO!* 11 November.